

Malaysia berhak ikut acuan sendiri

BH 12 APR 2002

Oleh Kadir Dikoh

PETALING JAYA, Khamis - Negara Asia termasuk Malaysia berhak melakukan sesuatu mengikut caranya sendiri tanpa dikongkong atau dipaksa menerima dasar Barat, selagi majoriti rakyat melulus atau menyokong tindakan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia bukan anti-Barat atau anti-Eropah, tetapi mesti mempunyai kebebasan untuk menentukan apa yang harus dipilih dan akan mengikut apa yang baik dari Eropah dan Amerika Syarikat.

Beliau menegaskan sebagai negara di Asia, Malaysia tidak menolak semua nilai Barat tetapi nilai Asia yang difikirkan lebih baik harus dibenar untuk dipertahankan.

"Mereka yang percaya kepada kebebasan, hak asasi manusia dan demokrasi mesti membenarkan kami menguruskan keseimbangan antara keamanan dan kemakmuran yang kita sudah capai dengan cara sendiri.

"Malaysia mahukan keamanan dan kemakmuran.

Rakyat kami dengan bebas menyokong cara untuk mencapai hasrat ini. Mengapa harus ada bantahan oleh orang lain yang sebenarnya tidak terjejas oleh cara kami ini," katanya dalam ucapan pada persidangan. Kemasyarakatan Asia Williamsburg di Hotel Sunway Lagoon Resort di sini, malam ini.

Persidangan Williamsburg yang kali terakhir diadakan di negara ini pada 1987 adalah forum antarabangsa bagi membincangkan hubungan Amerika Syarikat dan Asia.

Sidang tiga hari anjuran Institut Strategik dan Kepemimpinan Asia (Ask) itu dihadiri pegawai tertinggi mewakili dunia perniagaan dari Asia dan Amerika Syarikat termasuk wakil kerajaan, media dan ahli akademik.

Dr Mahathir yang memberikan ucapan bertema "Malaysia dan Asia: Mencari Keseimbangan di Antara Keamanan dan Kemakmuran" juga menyentuh mengenai globalisasi serta beberapa usaha yang dibuat oleh Asia ditentang Barat apabila menyedari kepentingan mereka terganggu.

Katanya, cadangan Malaysia supaya diwujudkan

Majlis Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) sedekad lalu bertujuan menjadi forum perundingan bagi mengenal pasti serta membincang masalah bersama, tidak disukai Barat.

Sebaliknya, negara Barat menerima penubuhan Majlis Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pada mesyuarat ketua-ketua kerajaan di Seattle, sehingga menenggelamkan terus cadangan penubuhan EAEC, malah ada negara Asia ditekan bagi menghalang kewujudan majlis itu.

"Malaysia tidak faham sikap syak wasangka terhadap negara Asia. Apa saja perbincangan yang tidak mempunyai kepentingan kumpulan negara bukan Asia, akan tertakluk kepada bantahan atau diperlekehkan supaya ia kurang berguna.

Tetapi cadangan untuk memasukkan negara anggota dari kumpulan saingan dari dalam mana-mana kumpulan negara Asia, terus dibuat dan didesak. Jika Eropah boleh menjadi begitu eksklusif dan begitu juga Amerika Syarikat, mencepa Asia tidak boleh mempunyai kumpulan sendiri?"

"Bantahan bahawa rakyat Asia anti-Barat atau anti-Eropah tidak benar. Malaysia tidak anti-Barat atau anti-Eropah. Malah sebaik sahaja merdeka, Malaysia membuka negaranya kepada pelabur Eropah," katanya.

Dr Mahathir berkata, adalah salah pada prinsipnya untuk membantah negara Asia mempunyai kumpulannya sendiri seperti EAEC apabila yang lain mempunyai kumpulan tersendiri seperti Kesatuan Eropah (EU) dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta).

Katanya, amat memalukan bahawa negara Asia Ti-

mur terpaksa berselindung di sebalik nama lain seperti Asean campur tiga bagi membolehkan mereka berunding bersama-sama.

Beliau berkata, rakyat Asia adafah pelbagai dan terbahagi mengikut kaum serta budaya dan tidak ada jalan bagi mereka untuk melawan pihak Eropah atau Barat kerana mereka tahu mereka memerlukan negara kaya seperti Eropah dan Amerika Syarikat dalam usaha mencapai kemajuan.

"Asia juga mahu menjadi demokratik, untuk saksama dan adil. Tetapi mereka tidak melihat contoh baik mengenai hal ini di ka-

langan demokrat yang mengamalkannya. Adalah tidak demokratik untuk menggunakan paksaan termasuk tekanan ekonomi dalam usaha supaya sesuatu sistem atau dasar itu diterima.

"Tetapi paksaan digunakan setiap kali menuntut supaya negara Asia menerimanya. Dan, banyak perkara yang mereka terima itu sebenarnya mengugat kepentingan mereka sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika Malaysia kelihatan menentang globalisasi, ia bukan disebabkan keras kepapa atau hanya mahu menghadapi kesukaran tetapi inter-

pretasi mengenainya memberi banyak kerosakan kepada negara miskin.

"Kita nercava kita tahu masalah daripada interpretasi globalisasi sekarang dan kita berpendapat kita mempunyai idea bagaimana menjadikan globalisasi kurang memberi kesan kemusnahan kepada negara miskin sementara ia masih memberi faedah kepada negara kaya.

"Apa yang boleh kita katakan ialah kita tidak seharusnya tergesa-gesa memasuki dunia tanpa sempadan dan kebebasan aliran modal tanpa menilai banyak kesannya," katanya.